

# MEMAHAMI PERANAN PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN UTAMA DAN CABARAN DALAM USAHA MENGEMBANGKAN PELANCONGAN PERUBATAN PATUH SYARIAH DI MALAYSIA: SUATU PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

*(Understanding the Role of Key Stakeholders and the Challenges  
in Developing Shariah-compliant Medical Tourism in Malaysia:  
A Legal Perspective)*

Noor Shuhadawati Mohamad Amin<sup>1</sup>  
shuhadaamin@iium.edu.my

Noriah Ramli<sup>2</sup>  
noriahr@iium.edu.my

Majdah Zawawi<sup>3</sup>  
z.majdah@iium.edu.my

Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia, 53100 Jalan Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia.<sup>1, 2 & 3</sup>

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*): <sup>1</sup>

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Noor Shuhadawati Mohamad Amin, Noriah Ramli & Majdah Zawawi. (2024). Memahami peranan pihak-pihak berkepentingan utama dan cabaran dalam usaha mengembangkn pelancongan perubatan patuh syariah di Malaysia: Suatu perspektif undang-undang. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(1), 1–20. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/kanun.36(1)no1)

Peroleh: Received:	24/8/2023	Semakan: Revised:	25/10/2023	Terima: Accepted:	5/12/2023	Terbit dalam talian: Published online:	1/1/2024
-----------------------	-----------	----------------------	------------	----------------------	-----------	---	----------

## Abstrak

Pencarian rawatan penjagaan kesihatan yang disesuaikan dengan kepercayaan agama dan etika telah menjadi popular dalam persekitaran pelancongan perubatan yang berubah-ubah. Kajian ini mengupas tentang pelancongan perubatan patuh syariah di Malaysia yang kompleks, yang menekankan peranan kritikal pihak berkepentingan dalam rangka kerja

perundangan yang lengkap. Kaedah yang digunakan untuk kajian ini adalah bersifat doktrinal. Satu isu penting yang timbul ialah kekurangan penglibatan antara penyedia penjagaan kesihatan dengan organisasi kerajaan yang sesuai dalam usaha membangunkan pelancongan perubatan patuh syariah. Kajian ini terlebih dahulu mengenal pasti pihak berkepentingan yang berkaitan yang mempromosikan pelancongan perubatan patuh syariah. Kajian ini kemudiannya menganalisis peranan agensi kerajaan yang berkaitan, penyedia penjagaan kesihatan, dan alim ulama yang menangani isu ini, di samping pertimbangan undang-undang dan keperluan agama. Penyelidikan ini meneliti halangan dan potensi untuk menyelaraskan amalan pelancongan perubatan dengan prinsip syariah. Siasatan terhadap penglibatan pihak berkepentingan dalam rangka kerja perundangan menyerlahkan keperluan kritikal untuk menyelaraskan prinsip Islam dan perkhidmatan penjagaan kesihatan moden, seterusnya menyokong perkembangan pelancongan perubatan patuh syariah di Malaysia. Kajian ini menganjurkan pembentukan Jawatankuasa Penasihat Syariah untuk menyelia pihak yang berkepentingan. Jawatankuasa ini memastikan bukan sahaja semua pihak berkepentingan utama dirujuk, tetapi juga memainkan peranan aktif dalam urusan menasihati agensi kerajaan tentang dasar dan langkah penting melalui penyelidikan bersepadu. Strategi kerjasama ini bertujuan untuk merapatkan jurang antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku institusi bertanggungjawab dengan kementerian berkaitan dan penyediaan penjagaan kesihatan selain mempromosi sektor ini pada peringkat global. Jawatankuasa ini diharapkan dapat mewujudkan persekitaran sinergi yang meningkatkan profil pelancongan perubatan patuh syariah di Malaysia.

Kata kunci: Pelancongan perubatan, patuh syariah, pihak-pihak berkepentingan, cabaran, JAKIM, Malaysia

### ***Abstract***

*The search for healthcare treatment tailored to religious and ethical beliefs has gained popularity in the changing medical tourism environment. This study examines the complexities of Shariah-compliant medical tourism in Malaysia, emphasizing on the critical role of stakeholders in a comprehensive legal framework. The methodology adopted for this study is doctrinal. An important issue that has arisen is the lack of engagement between healthcare providers and appropriate government organisations in developing Shariah-compliant medical tourism. This study initially identifies relevant stakeholders who promote Shariah-compliant medical tourism. It then analyses the role of relevant government agencies,*

*healthcare providers and religious scholars in addressing this topic, alongside legal concerns and religious requirements. This research examines the obstacles and potential in aligning medical tourism practices with Shariah principles. An investigation into the involvement of stakeholders in the legal framework highlighted the critical need to harmonise Islamic principles and modern healthcare services, thus supporting the development of Shariah-compliant medical tourism in Malaysia. This study recommends the formation of a Shariah Advisory Committee to oversee the stakeholders. This committee will ensure that all key stakeholders are not only consulted, but also play an active role in advising government agencies on important policies and measures through integrated research. This cooperative strategy aims to bridge the gap between JAKIM as a responsible institution with relevant ministries and healthcare providers, in addition to promoting this sector globally. This committee is expected to create a synergistic environment that increases the profile of Shariah-compliant medical tourism in Malaysia.*

*Keywords: Medical tourism, shariah-compliant, stakeholders, challenges, JAKIM, Malaysia*

## **PENDAHULUAN**

Secara umumnya, pelancongan perubatan merujuk individu yang merentas sempadan negara atau antarabangsa untuk mendapatkan rawatan perubatan, prosedur atau perkhidmatan penjagaan kesihatan. Connell (2013) mengklasifikasikan pelancongan perubatan sebagai pelancong yang berkunjung ke negara lain untuk salah satu tujuan sama ada perubatan atau pelancongan. Namun begitu, beliau berpendapat pelancongan perubatan dianggap sebagai istilah umum (Connell, 2013). Walaupun tiada definisi khusus, Carrera dan Bridges (2006) mendefinisikan pelancongan perubatan sebagai perjalanan yang teratur di luar bidang kuasa penjagaan kesihatan semula jadi seseorang untuk peningkatan atau pemulihan kesihatan individu melalui campur tangan perubatan. Definisi ini menjelaskan bahawa pesakit mendapatkan rawatan perubatan khusus, pembedahan elektif, perkhidmatan kesihatan atau rawatan alternatif di negara asing atas pelbagai sebab, termasuk pertimbangan kos, ketersediaan teknologi perubatan termaju, kepakaran profesional penjagaan kesihatan atau keinginan untuk privasi (Vovk et al., 2021). Malaysia semakin diiktiraf sebagai destinasi terkemuka dunia untuk pelancongan perubatan dan penjagaan kesihatan. Dalam tempoh kurang sedekad, pendapatannya hampir tiga kali ganda

daripada kedua-dua sumber ini. Berdasarkan laporan statistik, sektor pelancongan perubatan di negara ini menjana hampir RM1.3 bilion pada tahun 2022 dengan kemasukan sebanyak 850,000 pelancong perubatan (MHTC, 2023). Malaysia telah membina reputasi yang kukuh sebagai destinasi global yang selamat dan dipercayai untuk penjagaan kesihatan sejak 10 tahun lalu. Pelawat dari seluruh dunia datang ke Malaysia untuk pelbagai rawatan. Perkembangan ini menjadikan Malaysia sebagai salah satu pilihan utama pelancongan perubatan di Asia di samping India, Thailand, Singapura dan Korea Selatan (*The Star*, 2023). Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan perubatan bukanlah sesuatu yang baharu. Malaysia telah mendapat pelbagai pengiktirafan antarabangsa, termasuklah kemenangannya sehingga mendapat gelaran “Destinasi Tahun Ini” dalam Anugerah Perjalanan Perubatan Jurnal Perjalanan Perubatan Antarabangsa (IMTJ, 2020). Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada pengiktirafan ini. Antaranya termasuklah lokasi yang strategik, mampu milik, kualiti penjagaan kesihatan, hospitaliti dan rawatan yang mendapat pengesahan halal (Suseela Devi et al., 2017). Malaysia bukan sahaja diiktiraf pada peringkat global sebagai jenama terkemuka dalam bidang pelancongan perubatan tetapi juga terkenal sebagai destinasi utama bagi umat Islam yang mencari perkhidmatan pelancongan perubatan patuh syariah. Sebelum perbincangan dilanjutkan, konsep pelancongan perubatan patuh syariah haruslah diperhalusi terlebih dahulu. Pelancongan perubatan patuh syariah ditakrifkan sebagai perjalanan jangka pendek bagi individu ke destinasi, di luar suasana biasa, terutamanya dalam usaha mencari rawatan kesihatan di hospital yang mengamalkan prinsip Islam dalam perkhidmatan kesihatan mereka (Muhammad Khalilur et al., 2021). Di Malaysia, pelancongan perubatan patuh syariah terdiri daripada pelbagai perkhidmatan penjagaan kesihatan yang disesuaikan dengan keperluan pesakit beragama Islam. Perkhidmatan ini bukan sahaja dari segi perubatan, tetapi juga keperluan makanan, kemudahan solat, penginapan sederhana dan pengasingan antara lelaki dengan perempuan dalam persekitaran penjagaan kesihatan yang Islamik (Mohammad Aizat et al., 2019). Untuk merealisasikan objektif Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan perubatan patuh syariah, pihak berkepentingan haruslah memainkan peranan yang besar. Pembangunan dan pelaksanaan rangka kerja perundangan yang kukuh merupakan teras kepada inisiatif ini, yang seterusnya bersedia untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam pelancongan perubatan halal.

Pelancongan perubatan patuh syariah menawarkan pelbagai potensi untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju global dalam sektor pelancongan perubatan patuh syariah di dunia, hab penyelidikan halal bertaraf dunia. Pertamanya, aspirasi negara untuk meletakkan Malaysia di barisan hadapan peneraju global dalam pelancongan perubatan patuh syariah haruslah diberikan perhatian (Muhammad Khalilur et al., 2023). Malaysia sudah mempunyai reputasi yang kukuh dalam sistem penjagaan kesihatan swasta yang membantu menarik pesakit dari seluruh dunia. Malaysia telah diiktiraf sebagai “Negara Terbaik di Dunia untuk Penjagaan Kesihatan” dari 2015 hingga 2017 dan 2019 oleh *International Living* yang berpangkalan di Amerika Syarikat, sebuah majalah dan portal dalam talian yang memenuhi keperluan warga emas (MHTC, 2019). Yang lebih membanggakan, Malaysia dipilih sebagai salah satu destinasi pelancongan teratas untuk pengembara Muslim oleh laporan *Mastercard-CrescentRating Global Muslim Travel* (GMTI) 2022, diikuti rapat oleh Turki, Arab Saudi dan Indonesia (Nair, 2022). Situasi ini menunjukkan bahawa terdapat permintaan yang tinggi daripada umat Islam di seluruh dunia untuk mendapatkan rawatan perubatan di hospital yang patuh syariah. Oleh itu, Malaysia harus mengorak langkah lebih jauh dalam usaha memperkenalkan pelancongan perubatan patuh syariah dan mengembangkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju utama dalam sektor yang khusus ini. Di samping itu, perkembangan pesat persijilan halal di Malaysia juga telah mendorong JAKIM untuk meperluas bahagian halalnya dalam organisasi yang lebih besar pada tahun 2005, secara rasmi dinamakan sebagai Hab Halal JAKIM. JAKIM merupakan badan persijilan halal pertama di dunia yang bertanggungjawab memantau industri halal. Lahirnya institusi ini telah membawa kepada pindaan Akta Perihal Dagangan Malaysia (TDA) pada tahun 2011 yang telah memberi mandat kepada JAKIM untuk mengawal selia industri halal di Malaysia. Pada peringkat antarabangsa, program pengiktirafan JAKIM untuk badan halal antarabangsa diwujudkan sebagai program pengiktirafan sistem halal dua hala yang paling ketat. Terdapat lebih 50 badan antarabangsa berdaftar setakat ini. Logo Halal Malaysia yang ikonik telah diiktiraf pada peringkat global dan melambangkan reputasi negara sebagai hab halal terkemuka dunia (Abdul Razif Zaini & Yoyo, 2021). Dari sudut halal, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 telah diperkenalkan untuk memberikan takrifan yang jelas terhadap sesuatu produk. Sebagai contoh, perenggan tiga menakrifkan produk halal haruslah tidak mengandungi bahagian atau benda daripada binatang yang terlarang atau tidak disembelih berdasarkan

hukum syarak. Produk halal tersebut juga seharusnya tidak mengandungi najis, tidak memabukkan, tidak beracun atau mengandungi apa-apa yang boleh memudaratkan kesihatan. Selain itu, sesuatu produk juga tidak akan diiktiraf halal sekiranya disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari najis atau berdekatan dengan apa-apa yang tidak halal sewaktu proses penyediaan, pemprosesan atau penyimpanan produk terbabit.

Kajian yang bersifat doktrinal ini dimulakan dengan mengenal pasti pihak-pihak berkepentingan dalam industri khusus ini. Kemudian, kajian ini mendalami peranan tertentu setiap pihak berkepentingan. Setelah meneliti peranan yang tersebut, kajian ini melihat kepada cabaran yang dihadapi oleh pihak berkepentingan untuk menyelaraskan sektor pelancongan perubatan selari dengan prinsip syariah. Berdasarkan cabaran yang dinyatakan, kajian ini mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah yang merangkumi fungsi-fungsi pihak berkepentingan di bawah satu organisasi.

## **MENGENAL PASTI DAN MEMAHAMI PERANAN PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM PELANCONGAN PERUBATAN PATUH SYARIAH DI MALAYSIA**

Dalam bidang pelancongan perubatan patuh syariah, pelbagai pihak berkepentingan utama memainkan peranan yang diperlukan untuk memastikan penyepaduan prinsip agama, pertimbangan etika dan amalan penjagaan kesihatan moden yang lancar. Penumpuan usaha mereka memudahkan penciptaan persekitaran agar kepatuhan agama oleh pesakit Muslim dihormati dengan penyediaan dan akses terhadap perkhidmatan perubatan berkualiti tinggi. Antara pihak berkepentingan penting ini termasuklah agensi kerajaan yang berkaitan, pihak berkuasa agama Islam dan penyedia penjagaan kesihatan.

### **Agensi Kerajaan yang Berkaitan**

Secara umum, penjagaan kesihatan di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Dari sudut sejarah, selepas kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, kerajaan mula menumpukan perhatian untuk meningkatkan perkhidmatan dan infrastruktur penjagaan kesihatan. Peningkatan perkhidmatan ini melibatkan penubuhan Kementerian Kesihatan, serta membina hospital dan klinik tambahan di samping melatih

lebih ramai profesional perubatan (KKM, 2016). Pada tahun 1950-an dan 1960-an, sistem perubatan dan penjagaan kesihatan Malaysia masih pada peringkat awal, dan sebahagian besar rawatan perubatan disampaikan oleh pakar perubatan dan jururawat British di klinik dan hospital awam (Thomas & Rusli, 2011). Pakar perubatan tradisional menyumbangkan khidmat mereka dengan ketara kepada penyampaian penjagaan kesihatan di kawasan luar bandar. Malaysia, sebuah negara yang baru merdeka, mula melabur dalam infrastruktur dan perkhidmatan penjagaan kesihatan selepas menyedari betapa pentingnya untuk meningkatkan penjagaan kesihatan bagi penduduknya. Pada era 1970-an, terdapat satu perundangan yang patut diketengahkan, iaitu Akta Hospital Swasta 1971. Akta ini kini telah dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998. Akta ini memperuntukkan pendaftaran dan pemeriksaan hospital swasta, rumah kejururawatan dan rumah bersalin serta bagi tujuan yang berkaitan dengannya. Dari sini, ketergantungan sistem penjagaan kesihatan di Malaysia antara hospital awam dengan swasta jelas kelihatan. Menjelang 1980-an, kemajuan telah dicapai dalam perubatan dan penjagaan kesihatan. Sebagai contoh, Perintah Yuran (Perubatan) 1982 telah diperkenalkan untuk mengawal selia yuran perubatan dan membuktikan usaha kerajaan dalam penyeragaman yuran untuk semua amalan perubatan. Penyeragaman ini amat penting untuk memastikan sistem perubatan dan penjagaan kesihatan dapat diakses oleh semua orang.

Perkembangan pesat ekonomi Malaysia dan dedikasi kerajaan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, sistem perubatan dan penjagaan kesihatan negara telah mengalami pengubahsuaian dan pemodenan besar pada tahun 2000-an. Malaysia membuat pelaburan yang besar dalam pembangunan hospital baharu dan kemudahan penjagaan kesihatan. Negara turut melabur dalam penciptaan teknologi dan prosedur perubatan yang lebih moden. Pada tahun 2005, Majlis Perjalanan Penjagaan Kesihatan Malaysia (MHTC) telah dibentuk. MHTC yang ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan diamanahkan untuk mempromosikan industri pelancongan penjagaan kesihatan negara yang masih baharu dalam pelaksanaannya. Empat tahun kemudian, MHTC telah dilancarkan sebagai entiti rasmi dalam Kementerian Kesihatan pada tahun 2009, setelah mendapat kelulusan Kabinet Malaysia. MHTC telah diperbadankan sebagai entiti sendiri pada 2011, yang memberikan lebih fleksibiliti untuk beroperasi sebagai agensi penyelarasan bagi

industri pelancongan penjagaan kesihatan di Malaysia. Pada tahun 2022, MHTC telah memperkenalkan *Program Flagship Medical Tourism Hospital* sebagai inisiatif yang pertama seumpamanya bertujuan untuk mewujudkan penanda aras baharu dalam pelancongan penjagaan kesihatan global (KKM, 2023). Selain itu, Kementerian Pelancongan juga turut memainkan peranan yang penting dalam usaha mempromosikan pelancongan perubatan di negara ini. Akta Industri Pelancongan 1992 merupakan undang-undang terpenting bertujuan untuk menyediakan rangka kerja perundangan bagi pembangunan pelancongan, pemeliharaan nilai budaya dan sumber semula jadi. Akta ini juga penting untuk memudahkan penglibatan sektor swasta dan masyarakat tempatan dalam aktiviti pelancongan dengan menyediakan pelesenan dan pengawalseliaan perusahaan pelancongan. Kejayaan Malaysia sehingga dikenali sebagai hab serantau untuk penjagaan kesihatan yang cemerlang bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan bagi Penggalakan Pelancongan Kesihatan pada tahun 1998 (Kementerian Pelancongan, 2007). Selain Kementerian Pelancongan, jawatankuasa itu termasuklah Kementerian Kesihatan, Persatuan Hospital Swasta Malaysia dan agensi kerajaan lain seperti Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia dan Syarikat Penerbangan Malaysia (*Malaysian Airlines*).

Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang ditubuhkan pada tahun 2007 pula bertujuan untuk mempromosi perusahaan Malaysia ke seluruh dunia. MATRADE ialah sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri Malaysia (MITI). Sebelum MHTC ditubuhkan, MATRADE merupakan badan yang bertanggungjawab mempromosi pelancongan perubatan di Malaysia. Antara inisiatif MATRADE termasuklah mempromosi pelancongan perubatan negara melalui misi perdagangannya; *Tourism Malaysia*. Seterusnya, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bertanggungjawab meletakkan Malaysia sebagai pusat serantau bagi perkhidmatan terpilih termasuklah perkhidmatan kesihatan dengan menyelaraskan amalan berniaga secara halal (*halal trade practice*). *Halal Development Corporation* (HDC), sebuah agensi di bawah MITI merupakan perbadanan pembangunan industri halal yang pertama di dunia yang disokong oleh kerajaan. Organisasi yang ditubuhkan pada tahun 2006 ini, juga dikenali sebagai penyelar pusat, yang menggalakkan penyertaan dan memudahkan pertumbuhan pemain industri dalam pembangunan ekosistem halal di Malaysia.



## Pihak Berkuasa Agama Islam

JAKIM ialah badan yang ditubuhkan pada tahun 1968 dan bermula sebagai Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). Penubuhan ini mendapat persetujuan oleh Majlis Raja-raja. Badan ini telah dinaik taraf kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). BAHEIS kemudiannya telah dinaik taraf kepada jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1997. Penubuhan JAKIM dilihat sebagai salah satu daripada pelbagai platform untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam seiring dengan pertumbuhan dan pembangunan negara dan Islam sebagai agama Persekutuan. Pada era 1970-an, menyedari kepentingan produk halal untuk umat Islam, kerajaan Malaysia telah mengambil pendekatan yang signifikan untuk menggalakkan pertumbuhan industri secara menyeluruh. Selaras dengan matlamat ini, pihak kerajaan telah memberikan kuasa kepada JAKIM sebagai agensi pusat dalam hal ehwal Islam. JAKIM diberikan mandat untuk memberikan pengiktirafan persijilan halal yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang membawa produk atau perkhidmatan di Malaysia bermula pada tahun 1974 (Norhidayah & Saadan, 2018). Pada tahun 2004, JAKIM mengeluarkan piawaian makanan halal pertama yang didokumenkan dengan sistem jaminan makanan halal yang sistematik dikenali sebagai MS 1500: 2004. Bagi tujuan persijilan halal, JAKIM perlu memastikan status halal produk pada setiap peringkat dan pada setiap proses yang terlibat dengan menjalankan pemeriksaan rasmi ke premis-premis yang memohon status halal dengan tujuan untuk meneliti status halal bahan mentah itu dikekalkan dan dipantau sepanjang masa. Berdasarkan alasan tersebut, JAKIM memerlukan badan persijilan halal asing yang bereputasi dan berwibawa sebagai wakil JAKIM untuk memantau atau mengesahkan status halal bahan mentah dan produk tersebut dengan penuh tanggungjawab dan integriti (Ameer Fikri et al., 2021). SIRIM Berhad, dahulunya dikenali sebagai Institut Penyelidikan Standard dan Perindustrian Malaysia, ialah sebuah syarikat yang dilantik oleh Jabatan Standard Malaysia sebagai agensi kerajaan untuk membangun, mengedar dan memperakui piawaian. SIRIM juga merupakan agensi persijilan *International Organisation for Standardisation* (ISO) tempatan. SIRIM melalui beberapa badan kerajaan dan institusi pengajian tinggi telah membangunkan Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan syariah (MS 1900:2014) yang diperkenalkan untuk menyediakan garis panduan umum ke arah melaksanakan sistem

pengurusan kualiti berasaskan syariah. Usaha ini adalah untuk memastikan prinsip Islam yang relevan dan diterima secara meluas dimasukkan dalam proses pengurusan kualiti organisasi. Garis panduan tersebut juga meliputi faktor penyediaan barangan dan perkhidmatan yang halal. Dalam konteks pelancongan perubatan pula, terdapat dua piawaian yang dikeluarkan oleh JAKIM, iaitu Piawaian Malaysia mengenai Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim (MS 2610:2015) dan Piawaian Malaysia mengenai Peranti Perubatan Halal - Keperluan Am (MS 2636: 2019). Selain itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) juga berperanan melakukan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap sijil halal di negeri masing-masing.

### **Hospital Awam dan Swasta**

Penyedia perubatan (*healthcare provider*) awam dan swasta merupakan pemain penting dalam sistem penjagaan kesihatan di Malaysia. Peranan penyedia perubatan sektor awam dan swasta yang berkesan mula berkembang sebagai suatu jenama yang dikenali kerana mempunyai ciri-ciri berkualiti tinggi dalam rawatan perubatan. Kerajaan Malaysia giat mempromosi pelancongan perubatan, tetapi hanya melibatkan hospital terpilih yang mencapai standard tertentu sahaja. Lanjutan daripada itu, bilangan hospital swasta yang menyediakan rawatan perubatan berkualiti kepada pesakit antarabangsa telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini bagi mematuhi piawaian yang tinggi oleh kerajaan. Pada awalnya, hospital patuh syariah tidak mendapat sambutan yang baik. Hanya beberapa hospital swasta yang memberikan perkhidmatan patuh syariah. Antara yang terawal ialah Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) pada tahun 1984. Kemudian, Hospital Pakar Al-Islam pada tahun 2006 dengan konsep tambahan menjadi “Hospital Mesra Ibadah”. Pada tahun 2005, Konsortium Hospital Islam telah ditubuhkan dengan objektif untuk mewujudkan hubungan dan kerjasama dalam kalangan ahlinya dalam bidang perkhidmatan penjagaan kesihatan, mengukuhkan amalan perubatan beretika dan pentadbiran hospital berdasarkan prinsip Islam (Noriah, 2022). Yang terbaharu, Hospital Bersalin Andorra merupakan hospital pertama di Malaysia yang menampilkan semua doktor dan jururawat wanita untuk memenuhi keperluan wanita mengandung dan bersalin. Peri penting perkhidmatan ini diadakan adalah untuk memenuhi keperluan agama yang mewajibkan penutupan aurat wanita yang beragama Islam. Perkara ini sangat bertepatan dengan MS:1900 dari segi

ketersediaan kakitangan perubatan daripada jantung yang sama (Noriah, 2022).

Kerajaan menggalakkan penjagaan kesihatan oleh hospital swasta supaya hospital mereka diperakui oleh MHTC dan meningkatkan peluang untuk menjadi destinasi pelancongan perubatan pilihan. Sehubungan dengan itu, MHTC menubuhkan Program Hospital Pelancongan Perubatan Utama, yang bertujuan untuk meningkatkan profil Penjagaan Kesihatan Global Malaysia. Program ini memberikan tumpuan pada tiga tonggak utama, kecemerlangan perubatan, kecemerlangan perkhidmatan dan penjenamaan antarabangsa. Selain itu, kerajaan juga telah mewujudkan inisiatif Perkongsian Awam-Swasta (PPP) yang merupakan salah satu strategi utama untuk menyokong pertumbuhan mampan sektor swasta. Sejak tahun 2011, kerajaan telah menubuhkan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk tujuan ini. Perkongsian antara sektor awam dengan sektor swasta mengintegrasikan kedua-dua sistem penjagaan kesihatan secara organik. Pendekatan ini membolehkan perkongsian peralatan dan kemudahan perubatan seperti yang berlaku di negara seperti Australia, iaitu sayap swasta terletak di sebelah hospital awam dengan caj yang berbeza untuk kedua-dua perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan awam, tetapi yang pada asasnya menggunakan peralatan dan tenaga kerja yang sama. Memandangkan kira-kira 20% katil hospital swasta pada masa ini tidak digunakan sepenuhnya, kemasukan pesakit sektor awam membolehkan katil yang tersedia ini digunakan dengan lebih baik (PPP Unit, 2022).

## **Pengguna**

Pengguna, atau pesakit ialah pihak berkepentingan yang utama dan merupakan asas dalam bidang pelancongan perubatan. Pengguna mempunyai pengaruh penting terhadap dinamik, pertumbuhan dan reputasi industri ini. Sebagai pemain penting dalam sektor pelancongan perubatan, pengguna memainkan peranan yang pelbagai dalam membentuk trend industri, memacu permintaan dan menentukan kejayaan penyedia penjagaan kesihatan. Pertamanya, pengguna ialah pemacu utama permintaan dalam sektor pelancongan perubatan. Usaha mereka untuk mendapatkan rawatan perubatan khusus, keberkesanan kos dan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang unggul mendorong kepada pertumbuhan industri ini. Selain itu, keputusan mereka secara

langsung mempengaruhi jenis perkhidmatan perubatan yang dicari, mewujudkan ekosistem yang dipacu oleh permintaan. Pengguna juga memegang kuasa untuk menilai dan mengesahkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan perubatan. Maklum balas, testimoni dan ulasan mereka berfungsi sebagai penanda aras untuk penyediaan penjagaan kesihatan, seterusnya menyumbang kepada peningkatan berterusan perkhidmatan dan memastikan standard penjagaan yang tinggi ditegakkan secara berterusan. Akhir sekali, sumbangan kewangan pelancong perubatan memberikan kesan yang ketara kepada ekonomi tempatan. Perbelanjaan pengguna untuk prosedur perubatan, penginapan, pengangkutan dan perkhidmatan yang berkaitan menyuntik tenaga kepada destinasi pelancongan perubatan, merangsang pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan.

### **CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK MENGEMBANGKAN PELANCONGAN PERUBATAN PATUH SYARIAH**

Dalam usaha mengemudi sektor pelancongan perubatan dan prinsip syariah, secara tidak langsung memperkenalkan landskap dinamik yang sarat dengan cabaran. Terdapat beberapa siri halangan yang memerlukan penyelesaian dalam usaha memantapkan pelancongan perubatan negara berdasarkan prinsip syariah. Antara cabaran ini termasuklah kerumitan untuk menyeragamkan keperluan halal, memastikan pematuhan kawal selia dan pentafsiran prinsip syariah. Namun begitu, dalam cabaran ini terdapat juga peluang yang harus diterokai. Melalui penyelidikan dan inovasi, transformasi penjagaan kesihatan kepada pengalaman holistik dan kerjasama pihak berkepentingan yang mantap dapat mencungkil potensi untuk merevolusikan pelancongan perubatan di negara ini.

Cabaran utama yang dihadapi ialah kesukaran untuk menyeragamkan keperluan halal dalam sektor pelancongan perubatan patuh syariah berikutan penglibatan pelbagai kementerian dan agensi yang berpotensi membawa kepada pertindanan fungsi dan kepincangan operasi. Pada masa ini, tiada unit di kementerian yang diamanahkan untuk mengendalikan industri halal dan pelancongan perubatan secara eksklusif. Sekiranya diamati, pengurusan sektor pelancongan perubatan patuh syariah menjadi agenda utama negara apabila penglibatan pelbagai kementerian dan jabatan dalam kementerian diwujudkan untuk mempromosi sektor yang menjadi tumpuan ini. Yang berikut merupakan tugas yang digalas oleh

**Jadual 1** Tugas kementerian dan agensi dalam pengendalian sektor pelancongan perubatan patuh syariah.

<b>Kementerian/Jabatan dalam Kementerian</b>	<b>Fungsi</b>
Kementerian Kesihatan	Penyeliaan proses persijilan berkaitan dengan pembuatan dan keselamatan.
Kementerian Pelancongan	Menyediakan pelesenan dan pengawalseliaan perusahaan pelancongan.
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia	Mempromosi perkhidmatan dan produk Malaysia di luar negara.
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia	Menyelaraskan amalan berniaga secara halal ( <i>halal trade practice</i> ).
Jabatan Standard Malaysia	Membangun, mengedar dan memperakui piawaian.
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	Memberi pengiktirafan persijilan halal.
Majlis Agama Islam Negeri	Pemantauan dan penguatkuasaan persijilan halal.

setiap kementerian atau agensi dalam pengendalian sektor pelancongan perubatan patuh syariah.

Berdasarkan Jadual 1, jelaslah bahawa kerajaan telah mengamanahkan pelbagai kementerian untuk mengendalikan sektor pelancongan perubatan patuh syariah dari segi penyeliaan, promosi, persijilan, pengiktirafan, pemantauan dan penguatkuasaan sektor ini. Bukan itu sahaja, kerajaan turut mewujudkan organisasi swasta seperti MHTC dan HDC yang bertindak sebagai penyelar pusat untuk menggalakkan penyertaan dalam industri halal di Malaysia. Peranan HDC dan MHTC kelihatan seolah-olah bertindan kerana kedua-duanya menggalas fungsi untuk mempromosi dan menyelaras sektor halal walaupun MHTC lebih terarah pada pelancongan perubatan. Jika dilihat dari sudut undang-undang pula, penyeragaman ini juga ketara.

Selain itu, cabaran kedua yang dilihat adalah berkenaan dengan pentadbiran halal di bawah bidang kuasa negeri. Umum sedia maklum bahawa Islam merupakan agama persekutuan, seperti yang termaktub dalam Perkara Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Perkara 3. Perkara 11 perlembagaan pula menjamin kebebasan agama bagi semua penganut agama. Menurut Perkara 74 Jadual Kesembilan Persekutuan Malaysia Perlembagaan, memperuntukkan undang-undang Islam sebagai perkara di bawah bidang kuasa badan perundangan negeri. Pada masa ini, perkara halal adalah dalam bidang perdagangan, dan terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kecuali persijilan halal, yang diberikan kuasa kepada JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Bidang kuasa yang berbeza ini dilihat menyulitkan proses pertumbuhan sektor pelancongan perubatan patuh syariah. Namun begitu, untuk memahami isu ini dengan lebih jelas, perhatian harus diberikan kepada perkembangan sejarah JAKIM dan hal-hal halal dalam negara. Pada masa ini, industri halal di Malaysia dikawal oleh pelbagai undang-undang dan peraturan, termasuklah Akta Perihal Dagangan 2011 dan undang-undang kecilnya seperti Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Makanan 1985, fatwa-fatwa negeri, piawaian dan garis panduan yang dibentangkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Keadaan ini menunjukkan bahawa sektor halal ini diterajui oleh pelbagai kementerian dan agensi. Sebagai contoh, persijilan halal ditetapkan oleh undang-undang yang mengawalinya, iaitu TDA 2011, yang diletakkan dalam bidang kuasa JAKIM di bawah kerajaan persekutuan, MAIN pula di bawah kerajaan negeri. Undang-undang ini dinyatakan dalam Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Namun begitu, memandangkan agama Islam adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, hal ini menimbulkan tanda tanya sejauh mana bidang kuasa yang diberikan kepada JAKIM. JAKIM bukanlah satu kementerian khusus yang diwujudkan untuk menjaga hal-ehwal Islam sebaliknya hanyalah salah satu jabatan kerajaan sahaja yang dikhususkan untuk mengeluarkan sijil halal. Oleh itu, sebarang penggubalan undang-undang berkaitan dengan “halal” perlu melalui mana-mana kementerian yang berkaitan dan ini menghadkan kuasa JAKIM terutama sekali dalam bidang perundangan.

Cabaran yang ketiga ialah pentafsiran prinsip syariah yang berbeza oleh ulama tentang penjagaan kesihatan mungkin membawa kepada ketidakkonsistenan dalam pemahaman terhadap amalan yang berkaitan

dalam sektor ini. Kekurangan penyeragaman boleh menyebabkan percanggahan dalam tafsiran dan aplikasi prinsip syariah dalam konteks pelancongan Islam dan pelancongan perubatan yang boleh menyebabkan masalah dalam persijilan dan akreditasi kemudahan dan perkhidmatan patuh syariah. Cabaran ini timbul daripada kepelbagaian tafsiran dalam kalangan alim ulama dan penyedia penjagaan kesihatan kerana setiap negeri mempunyai majlis fatwa masing-masing yang akan mengeluarkan fatwa terhadap isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak. Konflik fatwa boleh berlaku dalam pelbagai isu semasa dan berbagai-bagai bidang kehidupan. Konflik boleh terjadi antara institusi fatwa kebangsaan dengan institusi fatwa negeri dan konflik antara institusi fatwa negeri dengan institusi fatwa negeri lain (Muhammad Ikhlas et al., 2013). Menurut sesetengah sarjana, kekurangan penyeragaman boleh diselesaikan dengan mewujudkan pihak berkuasa antarabangsa untuk membentuk piawaian syariah atau dengan mewujudkan amalan terbaik dan garis panduan yang secara umumnya dianuti dan dipatuhi oleh institusi dan ulama Islam (Ahmed Kamassi et al., 2020).

## **CADANGAN UNTUK PENAMBAHBAIKAN**

Dalam usaha mengembangkan lagi sektor pelancongan perubatan patuh syariah di Malaysia, terdapat beberapa cadangan untuk tujuan penambahbaikan. Pertama, seperti yang diketahui, sinergi pelbagai pihak berkepentingan merupakan asas pelancongan perubatan patuh syariah di Malaysia. Sebagai contoh, Jawatankuasa Kebangsaan bagi Penggalakan Pelancongan Kesihatan yang diwujudkan pada tahun 1998 merupakan kolaborasi antara pelbagai kementerian yang terlibat bagi mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perubatan di mata dunia. Bukan itu sahaja, jalinan kerjasama antara hospital awam dengan swasta juga telah diwujudkan Perkongsian Awam-Swasta (PPP) bagi membolehkan usaha sama antara kedua-dua sektor ini, terutamanya dari segi kepakaran dan kemudahan perubatan. Dari segi kerjasama antarabangsa, terkini, MHTC telah menandatangani memorandum persefahaman dengan firma kesihatan Hong Kong, *Amber Medical dan Swindon Medical and Diagnostics* untuk menawarkan perkhidmatan perubatan yang lebih murah kepada pesakit dari Hong Kong. Langkah itu dibuat sebagai sebahagian daripada rancangan Malaysia untuk meningkatkan pendapatan pelancongan perubatan, yang diramalkan mencecah RM2.5 bilion menjelang 2025 (Buisson, 2023).

Namun begitu, kolaborasi yang tersebut bukanlah bertujuan untuk mempromosi pelancongan perubatan patuh syariah. Oleh itu, kerjasama dengan institusi agama Islam terutamanya JAKIM haruslah diberikan penekanan untuk mengangkat usaha ini.

Kedua, penyelidikan dan inovasi haruslah berdiri sebagai tonggak yang berpotensi untuk meningkatkan keupayaan dan mengukuhkan keunggulan negara di pentas global. Dengan mendalami usaha penyelidikan, perkhidmatan perubatan bukan sahaja perlu ditingkatkan tetapi juga haruslah sejajar dengan prinsip syariah. Komitmen terhadap pematuhan etika dapat memupuk kepercayaan dalam kalangan pesakit Muslim dan menaikkan integriti penjagaan kesihatan secara amnya. Penyelidikan boleh dibuat dari pelbagai sudut, contohnya kriteria dalam menyediakan kemudahan dan servis yang berlandaskan Islam. Kajian yang dilakukan adalah dengan menganalisis kemudahan dan perkhidmatan Islamik yang penting untuk doktor, pesakit, kakitangan hospital dan pesakit dalam penjagaan perubatan Islam (Henderson, 2010). Kajian perubatan seharusnya digalakkan supaya bidang rawatan dan perubatan sentiasa berada dalam landasan Islam. Sebagai contoh, kajian telah dilakukan berkaitan dengan kontroversi penggunaan mayat untuk tujuan pembelajaran perubatan (Muhammad Aa'zamuddin et al., 2020) dan amalan menderma tisu dan organ oleh orang Islam di Malaysia (Makmor et al., 2013).

Oleh yang demikian, penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah dilihat perlu untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi pelancongan perubatan patuh syariah di Malaysia dan pada masa yang sama, menyeragamkan peranan kementerian yang berkaitan di bawah satu organisasi. Jawatankuasa ini, yang akan diletakkan di bawah JAKIM sebagai peneraju utama, haruslah memberikan tumpuan terhadap empat fungsi khusus, iaitu unit penyelidikan, pengawalseliaan, promosi dan kolaborasi. Unit penyelidikan berfungsi untuk menjalankan penyelidikan mendalam tentang undang-undang, prinsip dan garis panduan syariah sedia ada bagi memastikan amalan perubatan, rawatan dan kemudahan mematuhi piawaian agama. Unit penyelidikan dapat menilai keserasian prosedur perubatan dengan prinsip syariah dan menasihati jawatankuasa tentang pelarasan atau penambahbaikan yang perlu. Pada masa ini, bidang farmaseutikal tidak mematuhi piawaian halal kerana difahamkan tidak semua ubat mengandungi bahan yang dibenarkan dan dihasilkan mengikut peraturan Islam. Oleh itu, penubuhan unit ini sedikit sebanyak





**Rajah 1** Struktur Jawatankuasa Penasihat Pelancongan Perubatan Patuh Syariah.

dapat membantu penyelidikan dan pembangunan ubat-ubatan halal. Di bawah unit pengawalseliaan pula, jaminan kualiti melalui pemantauan dan penilaian kualiti rawatan perubatan, prosedur dan perkhidmatan dilaksanakan untuk memastikannya sejajar dengan prinsip syariah dan memenuhi piawaian etika yang ditetapkan. Hal ini melibatkan audit dan penilaian tetap penyedia penjagaan kesihatan. Unit ini akan bekerjasama dengan MAIN memandangkan MAIN bertanggungjawab untuk melakukan pemantauan pada peringkat negeri. Selain itu, pemeriksaan berkala terhadap fasiliti perubatan boleh dilakukan untuk memastikan pusat kesihatan tersebut menyediakan persekitaran yang mematuhi amalan patuh syariah. Antaranya termasuklah menilai kebersihan, kemudahan solat, makanan, dan sebagainya. Unit kolaborasi pula memastikan penglibatan pihak berkepentingan termasuk kementerian, badan kawal selia, institusi agama, penyedia penjagaan kesihatan swasta, institusi akademik dan agensi pelancongan melalui penglibatan dan kerjasama secara aktif. Penglibatan ini memastikan pendekatan bersatu untuk memajukan pelancongan perubatan patuh syariah. Di samping itu, unit ini juga bertindak sebagai penyelarasan dengan memudahkan komunikasi antara setiap kementerian yang berkaitan dengan penyedia perubatan seperti hospital awam dan swasta. Unit ini boleh menggalakkan lebih banyak penyedia perubatan swasta untuk bekerjasama dengan penyedia penjagaan kesihatan awam dalam usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan perubatan berdasarkan prinsip syariah. Akhir sekali, unit promosi pula boleh mewujudkan identiti jenama yang tersendiri untuk pelancongan perubatan patuh syariah di Malaysia yang mencerminkan komitmen

negara terhadap nilai etika yang seiring dengan prinsip Islam. Unit ini juga berfungsi untuk membangunkan kempen pemasaran strategik yang akan memperkenalkan pelancongan perubatan patuh syariah di negara ini. Kempen ini harus menyasarkan segmen pasaran tertentu secara berkesan dengan mempamerkan integrasi nilai Islam dan perubatan. Hal ini boleh dicapai dengan melakukan penyelidikan pasaran yang teliti bagi mengenal pasti pasaran sasaran yang berpotensi dan memahami permintaan untuk perkhidmatan perubatan patuh syariah di seluruh dunia.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, jelaslah bahawa interaksi antara pihak berkepentingan dapat memacu kejayaan dalam usaha mengembangkan pelancongan perubatan patuh syariah di Malaysia. Kerumitan menyelaraskan amalan penjagaan kesihatan moden dengan prinsip agama sejak berkurun lamanya memberikan cabaran yang menggerunkan, tetapi perkara tersebut perlu dihadapi dengan komitmen dan kepintaran yang tidak berbelah bahagi. Penglibatan proaktif pihak berkepentingan utama, termasuk kementerian, jabatan di bawah kementerian, badan kawal selia, pihak berkuasa agama Islam, penyedia penjagaan kesihatan swasta dan komuniti global adalah penting. Penyelidikan ini menggariskan rangka kerja perundangan yang teguh berpandukan prinsip syariah dan menawarkan asas untuk mengharmonikan pelancongan perubatan sejajar dengan prinsip syariah. Dengan memahami cabaran dari segi undang-undang dalam sektor ini, Malaysia berpotensi untuk melepasi sempadan konvensional dan menjadi pelopor dalam bidang pelancongan perubatan patuh syariah. Usaha kolektif dan visi bersama-sama dengan pihak berkepentingan ini akan membuka jalan bagi landskap penjagaan kesihatan yang dipertingkatkan dengan gema kemajuan perubatan dan penghormatan rohani.

## **PENGHARGAAN**

Penyelidikan ini disokong secara kewangan oleh *Fundamental Research Grant Scheme for Research Acculturation of Early Career Researchers* (FRGS-RACER) No Geran: RACER19-041-0041.

## RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini & Yoyo, Y. (2021). The awareness of muslim consumers towards the halal logo in Malaysia. *Akademika*, 91(Isu Khas), 27–37.
- Ahmed Kamassi, Noor Hazilah Abdul Manaf & Azura Omar. (2020). The need of international Islamic standards for medical tourism providers: A Malaysian experience. *Journal of Islamic Marketing*, 12(1), 113 – 123.
- Ameer Fikri Mohamad Hilmi, Muhamad Fakhrul Aiman Mohd Asri, Zainul Arif Mohd Ariffin, Muhammad Iman Hakim Hasbullah, Fazura Minhad & Mohamad Hilmi Mat Said. (2021, 23-24 Ogos). Cabaran pensijilan halal: Kesediaan pengusaha industri dan premis makanan. [Prosiding] *Prosiding Konferen 3<sup>rd</sup> International Halal management Conference, 2021*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Buisson, Laing. (2023, 4 Ogos). Medical tourism's rapid expansion in Malaysia, Iran, and London. <https://www.laingbuissonnews.com/imtj/news-imtj/medical-tourisms-rapid-expansion-in-malaysia-iran-and-london/>
- Carrera, P., & Bridges, J. (2006). Health and medical tourism: What they mean and imply for health care systems. *Health and Ageing*. The Geneva Association.
- Connell, J. (2013). *Medical tourism*. University of Sydney.
- Henderson, J, C. (2010). Sharia-compliant hotels. *Tourism and Hospitality Research*, 10(1), 246–254.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2016). *National strategic plan for health 2016–2020*. <http://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Other/National%20Strategic%20Plan%20for%20Health%202016-2020.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2023). *Program flagship medical tourism hospital di Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)*. <https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/6615> diakses 10 Mei 2023.
- Kementerian Pelancongan. (2007, 5 November). *Health tourism in Malaysia. Tourism Malaysia*. <https://www.tourism.gov.my/media/view/health-tourism-in-malaysia>.
- Makmor Tumin, Abdillah Noh, Nurulhuda Mohd Satar, Chong Chin-Sieng, Lim Soo-Kun, Nawli Abdullah & Ng Kok-Peng. (2013). Organ donation in Muslim countries: The case of Malaysia. *Annals of Transplantation*, 18, 671–676. <https://doi.org/10.12659/AOT.889194>
- Malaysian Health Travel Council (MHTC). (2019, 3 Mei). *Malaysia's medical tourism on a high*. <https://www.mhtc.org.my/2019/05/03/malaysias-medical-tourism-on-a-high/>
- Malaysian Health Travel Council (MHTC). (2023). *Healthcare travelling statistics*. <https://www.mhtc.org.my/statistics/>
- Mohammad Aizat Jamaludin, Betania Kartika, Mohd Anuar Ramli & Muhammad Hazrul Hamzah. (2019). Muslim-friendly hospital services framework. *Halal Journal*, 3(1).

- Muhammad Aa'zamuddin Ahmad Radzi, Munirah Sha'ban, Nur Syamimi Mohd Azharuddin, Azran Azhim & Abdurezak Abdulahi Hashi. (2020). Survey on relevant Malaysian fatwā about cadaver concerning tissue engineering research. *Pertanika Social Sciences & Humanities*, 28(2), 1451–1466.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Luqman Abdullah, Paizah Ismail & Mohd Anuar Ramli. (2017). Konflik fatwa di Malaysia: Satu kajian awal. *Jurnal Fiqh*, 10(1), 31–56.
- Muhammad Khalilur Rahman, Moniruzzaman Sarker & Azizul Hassan. (2021). Medical Tourism: The Islamic Perspective. *Tourism Products and Services in Bangladesh*. The Springer Link.
- Muhammad Khalilur Rahman, Noor Raihani Zainol, Noorshella Che Nawati, Ataul Karim Patwary, Wan Farha Wan Zulkifli & Md Mahmudul Haque. (2023). Halal healthcare services: Patients' satisfaction and word of mouth lesson from Islamic-friendly hospitals. *Sustainability*, 15(2), 1493. MDPI AG. <http://dx.doi.org/10.3390/su15021493>
- Nair, D. (2022, 2 Jun). GMTI 2022 report: Malaysia is still the most popular Muslim travel destination. *Zafigo*. [https://zafigo.com/news/20220602-gmti-2022-malaysia-popular-muslim-travel-destination/#:~:text=The%20MasterCard%2DCrescentRating%20Global%20Muslim,\(Image%20by%20Esmonde%20Yong.\)](https://zafigo.com/news/20220602-gmti-2022-malaysia-popular-muslim-travel-destination/#:~:text=The%20MasterCard%2DCrescentRating%20Global%20Muslim,(Image%20by%20Esmonde%20Yong.))
- Norhidayah Pauzi & Saadan Man. (2018). Perkembangan pentadbiran pensijilan halal di Malaysia 1974–2016: Satu tinjauan. *Research in Islamic Studies Journal*, 5(1).
- Noriah Ramli. (2022). Halal medical tourism: Emerging opportunities. *Asian Journal of Multidisciplinary Research & Review*, 3 (5), 64 – 86.
- Public-Private Partnership (PPP) Unit. (2022). *Tentang Unit Kerjasama Awam Swasta*. <https://www.ukas.gov.my/en/about-ukas>
- Suseela Devi Chandran, Ahmad Shah Pakeer Mohamed, Azizan Zainuddin, Fadilah Puteh, & Nur Alia Azmi. (2017). Medical tourism: Why Malaysia is a preferred destination? *Advanced Science Letters*, 23(8).
- The Star. (2023, 2 Januari). *Stronger, more positive comeback for Malaysia's medical tourism*. <https://www.thestar.com.my/lifestyle/travel/2023/01/02/a-stronger-more-positive-comeback-for-malaysia039s-medical-tourism>
- Thomas, S, Beh, L. S & Rusli Nordin. (2011). Health care delivery in Malaysia: Changes, challenges and champions. *Journal of Public Health Africa*, 2(2).
- Vovk, V., Beztelesna, L., & Pliashko, O. (2021). Identification of factors for the development of medical tourism in the world. *International Journal of Environment Res Public Health*, 18(21), 11205. doi: 10.3390/ijerph182111205. PMID: 34769723; PMCID: PMC8583346.